

KEBERKESANAN TEKNIK PETA PEMIKIRAN TERHADAP PENINGKATAN PRESTASI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

Khairudin Nawawi & Norazilawati Abdullah
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan teknik peta pemikiran dalam meningkatkan tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Rapat Jaya, Ipoh, Perak. Kajian ini melihat tahap pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab selepas menggunakan teknik peta pemikiran. Kaedah kuasi eksperimen telah digunakan adalah kajian ini. Responden terdiri daripada 66 orang pelajar yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra, ujian pasca dan soal selidik untuk menyokong dapatan kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 16.0. Keputusan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, min, sisihan piawai dan ujian-t. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab telah meningkat selepas menggunakan teknik peta pemikiran. Kajian ini mempunyai implikasi kepada guru untuk mengaplikasikan teknik peta pemikiran dalam pengajaran mereka untuk menarik minat pelajar, menggalakkan mereka kepada pemikiran peringkat tinggi dan memberikan dimensi pembelajaran yang berbeza di samping memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21.

Kata Kunci: Keberkesanan, peta pemikiran, mata pelajaran Bahasa Arab

ABSTRACT

This study aims to identify how the mind mapping technique will improve the level of achievement in Arabic subject among students in Year 5 at Sekolah Kebangsaan Rapat Jaya, Ipoh, Perak. The study looks at level of achievement in Arabic subject after using the mind mapping technique. An experimental method was used in this study. The respondents consisted of 66 students which have been divided into groups; experimental group and controlled group. The instruments used in this study were the pre-test, post-test and questionnaire. The collected data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0. The result of this study were described in frequency, mean, standard deviation and t-test. The result shows that the level of achievement of students in Arabic subject has increased after using the mind mapping technique. This study has implications for teachers to diversify their teaching style to attract students, encourage them to high-level thinking and provides a different learning dimension in addition to meet the learning needs of the 21st century.

Keywords: Effectiveness, mind mapping, Arabic subject

PENGENALAN

Lembaran baru dunia pendidikan di Malaysia menyaksikan perubahan besar dalam sistem pendidikan Malaysia. Pada tahun 2011 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah mula diperkenalkan dan kini telah mencapai tahap menyeluruh kepada murid tahun 6. Perubahan ini perlu bagi membuktikan mutu pendidikan di Malaysia berkembang dengan relevan sejajar dengan kepesatan teknologi maklumat yang mendominasi pendidikan di negara-negara maju dunia yang lain.

Akhir-akhir ini, pendidikan di Malaysia kembali menitik beratkan kemahiran berfikir dan percaya kemahiran ini perlu dikuasai dengan betul dan komprehensif jika kita mahu setanding dengan negara-negara maju seperti Singapura, Finland, Hong Kong dan sebagainya. Satu elemen yang dilihat sangat penting untuk melaksanakan pengajaran yang berkesan untuk tujuan meningkatkan kemahiran berfikir dengan cara betul dan berkesan ialah melalui penggunaan grafik sebagai alat berfikir yang telah terbukti berkesan digunakan di sekolah-sekolah berprestasi rendah di negara-negara maju seperti United Kingdom, Kanada dan Amerika Syarikat. Didapati bahawa amalan pengajaran guru dalam penggunaan pengurusan grafik seperti peta minda masih di tahap rendah di Malaysia dan ini tidak menggalakkan murid untuk lebih kreatif dan kritis (Ab. Fatah Hassan, 1994).

Menyentuh isu pentaksiran antarabangsa murid seperti Programmer For International Students Assessment (PISA) dan Trends In International Mathematics And Science Study (TIMSS), jelas menggambarkan

penguasaan ilmu di dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia jauh ketinggalan seumpama ketinggalan setahun persekolahan atau tiga tahun ke belakang. Rentetan daripada ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (2011), telah menyarankan para guru mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk menaikkan prestasi Negara khususnya dalam persaingan peringkat antarabangsa sebegini. Namun suasana ini masih perlahan di Malaysia kerana sistem pendidikan kita tidak mengarahkan kepada pemikiran aras tinggi dan pembinaan skema yang produktif, oleh itu mereka perlu meneroka alam mereka dengan bantuan pengajaran yang berkesan pada setiap hari (Dewey, 1993).

Teknik pengajaran menggunakan peta pemikiran adalah alternatif kepada pengukuhan pedagogi seorang guru dan dilihat boleh mengubah perspektif dan amalan lama kerana teknik ini mempromosikan satu suasana mengajar yang menyeronokkan murid-murid. Selain itu, teknik ini sangatlah ringkas malah informatif dan menjimatkan masa serta bahan yang digunakan oleh guru. Ini secara langsung akan mewujudkan persekitaran pembelajaran KBAT seperti yang diinginkan. Mengikut Hyerle dan Yeager (2007) peta pemikiran memudahkan murid memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian. Ini disebabkan penekanannya kepada aktiviti berpusatkan murid dan menggalakkan mereka bekerja secara kolaboratif selain daripada hubungan guru dan murid menjadi lebih rapat kerana guru cenderung berperanan sebagai fasilitator.

Usaha kementerian pendidikan menerapkan budaya pemikiran kreatif dan kritis serta berinovasi bukan sahaja tertumpu kepada pelajar sekolah menengah sahaja bahkan menyeluruh sehingga ke peringkat pra sekolah. Ini kerana kanak-kanak memiliki bakat yang tidak sama namun bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk membentuk kemahiran berfikir sejak mereka kecil. Keupayaan Negara menghasilkan modal insan berkualiti sememangnya tidak boleh disangkal lagi dengan terbuktinya peningkatan kelahiran siswazah saban tahun. Namun perlu banyak dipertingkatkan dalam menyediakan tenaga mahir dan kepakaran. Menurut Abd Rahman Md. Aroff dalam Azirah Musri (2009) generasi baru perlu dibentuk dalam membentuk negara dalam arus perdana yang kian mengancam negara.

Penyataan Masalah

Kerap kali kita menemukan kajian berkaitan peta pemikiran bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dan jarang sekali bertemu dengan kesan penggunaan peta pemikiran terhadap mata pelajaran lain seperti mata pelajaran Bahasa Arab. Dalam penulisan ini saya memfokuskan mata pelajaran Bahasa Arab kerana sudah masanya mata pelajaran ini diajar dari sudut yang berbeza supaya pelajar lebih minat untuk mendalami ilmu Bahasa Arab dan menguasainya. Menurut Rosni (2009) pengalaman Bahasa Arab dalam kehidupan adalah terhad dan terbatas dalam sistem pendidikan formal sahaja, ditambah pula dengan pelajar yang bersifat pasif dan guru yang jarang berkomunikasi dalam Bahasa Arab.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Arab di Malaysia merupakan satu usaha besar KPM dalam meningkatkan mutu pendidikan Negara. Komponen ini dimasukkan ke dalam kurikulum Negara untuk memperkasakan lagi ilmu agama di kalangan pelajar di semua peringkat. Permulaan Bahasa Arab ini diajar kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan ia telah memberi impak yang sangat positif terhadap penerimaan subjek ini. Maklum balas yang telah diperolehi menunjukkan para pelajar sangat tertarik, teruja dan berminat mempelajari bahasa ini. Namun sejauh mana amalan di dalam membudayakan bahasa ini belum dapat dipastikan. Apa yang jelas bukanlah mudah untuk mengajar bahasa ini lebih-lebih lagi kepada rakyat Malaysia yang merupakan bukanlah penutur bahasa jati untuk Bahasa Arab.

Teknik tradisional yang dikatakan membuat murid menjadi bosan dan kurang bermotivasi di dalam kelas menjadi fokus untuk penyelidik menjalankan kajian terhadap teknik peta pemikiran sekali gus merubah pencapaian akademik murid-murid. Jika dinilai dan dilihat dari segi mutu soalan peperiksaan awam di Malaysia, ia adalah lebih ringkas dan lebih tertumpu kepada rajah dan jadual yang mana akhirnya menjadikan pelajar tidak perlu mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi untuk memberi jawapan kepada soalan yang diberikan (Zabani Darus, KPM 2012). Menyentuh pembelajaran abad ke-21 yang sedang dibuat di seluruh sekolah di Malaysia dengan menggabungkan nilai budaya dan etika di dalam proses PdP menarik minat penyelidik untuk meneruskan kajian ini. Namun, pelaksanaannya menghadapi kekangan dari segi jumlah murid yang ramai di dalam sesebuah kelas. Kelaziman jumlah murid dalam sesebuah kelas di Malaysia biasanya sekitar 38-42 orang murid.

Faktor kemerosotan pencapaian Bahasa Arab dilihat dari pelbagai aspek. menurut (Zawawi,2001) murid kurang kemampuan untuk menguasai kerana anggapan pelajar bahawa ia bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas. Selain itu, persekitaran bahasa yang diwujudkan tidaklah menyeluruh dan terhad kepada bilik-bilik tertentu sahaja (Nik Mohd Rahimi,1998). Dari segi pengetahuan guru pula, kurangnya pengetahuan di kalangan guru-guru bahasa dalam memahami pendekatan pengajaran komunikasi dan

kemahiran-kemahiran berkaitan (Jefridin,2002). Manakala tahap penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar belum mencapai tahap memuaskan. Faktor peperiksaan awam yang dilihat jauh lebih penting juga menyebabkan segelintir murid mengambil ringan terhadap subjek ini.

Peranan guru di dalam menarik minat para pelajar sangat penting. Di era kurikulum baharu ini iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) satu elemen telah dimasukkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab iaitu elemen didik hibur. Di dalam elemen ini guru ditekankan supaya mengaplikasikannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran supaya murid lebih terkesan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang diajar. Contoh aktiviti didik hibur yang dicadangkan seperti bernyanyi, berlakon, kuiz, kalam jamaie dan sebagainya. Di dalam kajian ini, penyelidik cuba membawa satu wajah baharu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dengan mengetengahkan cara menarik minat murid dengan menggunakan peta pemikiran di samping melonjakkan pencapaian bahasa ini di sekolah rendah. Hasil pemerhatian penyelidik saban tahun, melalui respon yang sering diterima melalui kursus-kursus yang pernah dijalankan, faktor kemahiran guru mengajar menjadi topik utama yang dibincangkan.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Arab di kalangan murid tahun 5. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui pencapaian ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- ii. Mengetahui pencapaian ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- iii. Mengetahui perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

Persoalan Kajian


- i. Adakah min bagi pencapaian ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- ii. Adakah min bagi pencapaian ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan di antara pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

Hipotesis Kajian

- H01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan.
- H02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan.
- H03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam skor min ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- H04 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam skor min ujian pos antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai apa yang dikaji seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Kerangka ini menjadi panduan dan sempadan untuk kajian yang akan dibuat serta tidak terkeluar dari apa yang hendak dikaji. Soalan kajian dan sorotan penulisan selepasnya telah dirujuk dari kerangka konsep ini. Terdapat dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar mewakili pembelajaran berasaskan masalah, konsep peta pemikiran dan modul pembelajaran Bahasa Arab KSSR tahun 5 iaitu dalam pembelajaran Bahasa Arab. Manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah pencapaian murid.



Rajah 1. Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep ini merujuk kepada teori Behaviorisme yang mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku kekal yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan (Ee Ah Meng, 1994: Williams dan Anandam, 1973). Teori Pelaziman Operan E.L. Thorndike (1949-1987) berkenaan hubungan antara rangsangan dengan gerak balas akan menjadi kukuh jika kesan tingkah laku tersebut menyeronokkan atau memuaskan. Menurut Thorndike lagi, hubungan antara rangsangan dan gerak balas akan menjadi lebih kukuh apabila wujud hubungan positif. Hukuman latihan menegaskan bahawa manusia belajar melalui proses membuat sesuatu aktiviti dan mengulanginya untuk peneguhan

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kuasi eksperimen dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca. Kajian yang dijalankan adalah kajian yang membandingkan dua bentuk kaedah PdP iaitu pembelajaran menggunakan peta pemikiran dan pembelajaran tradisional ke atas peningkatan prestasi akademik murid serta mengesan sejauh mana peta pemikiran mampu membantu murid untuk lebih memahami isi pembelajaran dengan lebih berkesan di dalam kelas. Memandangkan di dalam ujian ini, murid yang terlibat tetap berada di dalam kelas sedia ada yang ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah. Menurut Neuman (1997), kaedah ini amat sesuai digunakan untuk menguji perbandingan kesan dalam pelbagai situasi sebenar di sekolah. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen adalah berdasarkan kumpulan kawalan tidak setara. Maksud kumpulan kawalan tidak setara merujuk kepada sekurang-kurangnya salah satu ciri antara kumpulan-kumpulan akan mempunyai nilai jangkauan yang berbeza walaupun sesuatu eksperimen tidak memberi kesan (Cook dan Campbell, 1979).

Sebanyak 2 buah kelas tahun 5 akan dilibatkan dalam kajian ini. Keadaan pencapaian kedua-dua kelas ini adalah berbeza tahap penguasaannya dan telah diasingkan melalui ujian penilaian tahun yang lalu. Pengkaji memilih pencapaian murid yang rendah untuk dijadikan sebagai kumpulan rawatan dan satu lagi kumpulan adalah murid yang berprestasi tinggi sebagai kumpulan kawalan. Pada permulaan kajian, responden diberikan soalan-soalan berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Arab yang ingin diuji sebelum mereka mempelajari kaedah pembelajaran peta pemikiran. Sebanyak 35 soalan subjektif dikemukakan untuk dijawab oleh responden-responden. Ujian ini dinamakan sebagai ujian pra.

Setelah hasil ujian pra dikutip, responden dari kumpulan rawatan diajar menggunakan kaedah peta pemikiran manakala kumpulan kawalan diajar dengan kaedah tradisional atau konvensional tanpa menggunakan peta pemikiran. Setelah selesai pengajaran, soalan yang sama diberikan semula kepada responden-responden di dalam kedua-dua kumpulan iaitu rawatan dan kawalan. Soalan-soalan daripada ujian ini dinamakan ujian pasca atau pos. hasil daripada kedua-dua jenis ujian ini dianalisis dan dibandingkan untuk mendapatkan penilaian tahap keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam proses PdP di dalam kelas berbanding penggunaan kaedah tradisional.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap dua buah kelas tahun 5 di sekolah rendah Gred B di Daerah Kinta Utara. Jumlah sampel ialah 33 orang murid dalam setiap kumpulan kawalan dan rawatan. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India.

Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan instrumen soalan ujian pra dan ujian pasca untuk memperoleh data atau maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan kajian yang telah dijalankan ini.

Instrumen Ujian Pra dan Ujian Pasca

Set soalan mengandungi 35 soalan subjektif. Set soalan adalah ditentukan kebolehppercayaan dan kesahan kerana ia diambil dari beberapa sumber buku rujukan Bahasa Arab yang dijadikan panduan utama di dalam kajian pengkaji di samping mengambil kira panduan buku teks yang dikeluarkan oleh KPM.

Item-item dalam ujian pra dan ujian pasca di bina mengikut hierarki pembelajaran berdasarkan Taksonomi Bloom. Item-item di dalam ini terdiri dari 6 aras iaitu aras 1 pengetahuan, aras 2 kefahaman, aras 3 aplikasi, aras 4 analisis, aras 5 sintesis dan aras ke-6 penilaian. Ia telah disemak oleh penggubal soalan Bahasa Arab yang pakar. Pelajar menjalani ujian pra dan ujian pasca sebagaimana suasana peperiksaan sebenar iaitu menjawab soalan dalam masa 60 minit. Skrip jawapan dan soalan dikumpulkan semula oleh pengkaji dan pengkaji memberikan skor kepada ujian-ujian tersebut. Dari segi skor pula, pengkaji akan menggunakan sistem gred baharu yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia 2016.

Jadual 1. Julat markah sekolah-sekolah rendah Malaysia

Markah	Gred
80 – 100	A
65 – 79	B
50 – 64	C
40 – 49	D
0 – 39	E

Kajian Lapangan (Soal Selidik)

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan menjalankan soal selidik yang terdiri daripada 7 sub soalan mengenai amalan dan kesan peta pemikiran terhadap peningkatan pencapaian akademik bagi mata pelajaran Bahasa Arab selepas rawatan selesai dijalankan.

Instrumen soal selidik ini telah dibina dengan mengambil kira pandangan beberapa orang guru Bahasa Arab supaya selari dengan kehendak kajian. Item yang digubal juga berdasarkan kesesuaian amalan peta pemikiran di dalam pembelajaran dengan tujuan mengenal pasti kemampuan peta pemikiran meningkatkan pencapaian akademik.

Soal selidik yang diberikan ini mengandungi 2 bahagian butiran iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A soal selidik berkaitan latar belakang diri murid manakala Bahagian B mengandungi 7 sub soalan yang berkaitan dengan amalan pembelajaran peta pemikiran.

Analisis Data

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 16.0. Pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif dan juga statistik inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min, mod dan juga sisihan piawai. Manakala statistik inferensi pula digunakan untuk mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah dengan menggunakan ujian-t.

Jadual 2. Jadual analisis data

Persoalan Kajian	Instrumen	Analisis
1	Ujian pra	Min/peratus
2	Ujian pasca	Min/peratus
3	Ujian pra dan pasca	Ujian-t

DAPATAN KAJIAN

Min Bagi Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

Markah ujian dianalisis untuk mengetahui min dan peratus. Markah ujian digredkan untuk memudahkan pengkaji melihat peratus keupayaan murid. Berdasarkan ujian pra yang telah dijalankan, didapati bagi kumpulan kawalan mendahului pencapaian kumpulan rawatan. Seramai 15 orang murid (45.45%) daripada kumpulan kawalan mencapai gred A dan tiada murid daripada kumpulan rawatan mencapai gred A. Bagi pencapaian gred B, kumpulan kawalan seramai 14 orang murid (42.42%) dan kumpulan rawatan pula seramai 16 orang murid (48.48%). Untuk pencapaian gred C, kumpulan kawalan seramai 3 orang murid (9.09%) dan manakala kumpulan rawatan seramai 9 orang murid (27.27%). Tiada murid daripada kumpulan kawalan mencapai gred D namun terdapat seorang murid mencapai gred E (3.03%). Bagi kumpulan rawatan, seramai 2 orang murid (6.06%) mencapai gred D dan 6 orang murid (18.18%) memperoleh gred E. Min markah bagi pencapaian ujian pra untuk kumpulan kawalan ialah 75.52 dan min kumpulan rawatan pula ialah 56.55. Ini menjelaskan pencapaian murid rawatan jauh di belakang murid-murid kumpulan kawalan.

Min Bagi Pencapaian Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

Ujian pasca dijalankan pada hari terakhir kajian dijalankan iaitu setelah melaksanakan pembelajaran menggunakan teknik peta pemikiran. Sama seperti ujian pra, markah murid akan dianalisis dengan mencari min dan peratus. Markah murid digredkan untuk memudahkan pengkaji melihat prestasi murid. Dapatan menunjukkan taburan markah bagi ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan seramai 19 orang murid (57.58%) mencapai gred A bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan pula bertambah 15 orang (45.45%) berbanding sebelum ini tiada murid yang mencapai gred A. Bagi gred B pula, pencapaian bagi kedua-dua kumpulan adalah hampir sama iaitu 13 orang murid (39.39%) bagi kumpulan kawalan dan 11 orang murid (33.33%) bagi kumpulan rawatan. Tiada pencapaian gred C dan D bagi kumpulan kawalan dan masih lagi seorang murid mendapat gred E (3.03%). Bagi murid kumpulan rawatan pula, seramai 2 orang murid (6.06%) mendapat gred C, tiada murid mendapat gred D dan 5 orang murid (15.15%) memperoleh gred E. Pencapaian gred E menunjukkan pengurangan seorang murid berbanding sebelum ini 6 orang. Min bagi pencapaian ujian pasca untuk kumpulan kawalan ialah 78.61 meningkat sedikit sebanyak 3.09. Manakala pencapaian min bagi ujian pasca untuk kumpulan rawatan pula ialah 72.15. Ini menunjukkan terdapat peningkatan min bagi kumpulan rawatan selepas menggunakan teknik peta pemikiran.

Perbezaan Di Antara Pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

Jadual 3. Perbezaan Jumlah Markah dan Min Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Kumpulan/Ujian	Jumlah Markah [$(\sum (n1 + n2 + \dots n30))$]	Min $X = \sum / 33$
Kawalan (Pra)	2492	75.52
Kawalan (Pasca)	2594	78.61
Rawatan (Pra)	1866	56.55
Rawatan (Pasca)	2381	72.15
Kawalan (Beza min dan markah pra dan pasca)	2594-2492=102	78.61-75.52=3.09

Rawatan (Beza min dan markah pra dan pasca)	2381-1866=495	72.15-56.55=15.6
---------------------------------------------	---------------	------------------

Berdasarkan Jadual 3 pada permulaan ujian pra, min untuk kumpulan kawalan ialah 75.52 dan kumpulan rawatan ialah 56.55. Oleh yang demikian bolehlah dianggap bahawa terdapat jurang perbezaan min yang besar iaitu 18.97. Walau bagaimanapun, selepas rawatan diberikan dengan cara menggunakan teknik peta pemikiran dan ujian pasca dijalankan, jurang ini telah mengecil iaitu sebanyak 12.51 kepada 6.46 dengan min bagi kumpulan rawatan ialah 72.15 menyamai min kumpulan kawalan iaitu 78.61. Nilai keputusan min yang agak besar berkemungkinan menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan teknik peta pemikiran yang dilaksanakan terhadap kumpulan rawatan telah meningkatkan skor murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 4. Perbezaan Peratus Dan Frekuensi Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan

Gred	Kumpulan Kawalan				Kumpulan Rawatan			
	Ujian Pra		Ujian Pasca		Ujian Pra		Ujian Pasca	
	Bil. Murid	%	Bil. Murid	%	Bil. Murid	%	Bil. Murid	%
A	15	45.45	19	57.58	-	-	15	45.45
B	14	42.42	13	39.39	16	48.48	11	33.33
C	3	9.09	-	-	9	27.27	2	6.06
D	-	-	-	-	2	6.06	-	-
E	1	3.03	1	3.03	6	18.18	5	15.15

Jadual 4 menunjukkan perbezaan dua kumpulan pelajar dari segi pencapaian memperoleh gred A, B, C, D dan E dan peratusannya di dalam ujian pra dan ujian pasca. Sebagaimana yang pernah pengkaji terangkan, tahap penguasaan ilmu di kalangan ahli kumpulan rawatan adalah sederhana dan lemah. Di awal ujian, kumpulan kawalan memperoleh gred A seramai 15 orang (45.45%) dan tiada murid mencapai A bagi kumpulan rawatan. Akan tetapi, dapatan kajian berubah setelah rawatan diberikan dan ujian pasca dijalankan. Keputusan murid memperoleh gred A bagi kumpulan kawalan meningkat sedikit iaitu kepada 19 orang. Mana kala di bahagian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan ketara apabila seramai 15 orang murid memperoleh gred A. Peningkatan ini meningkat sebanyak 45.45% murid yang memperoleh gred A bagi kumpulan rawatan. Untuk kumpulan kawalan juga terdapat peningkatan iaitu sebanyak 12.13% kepada 57.58%.

Pencapaian gred B untuk ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah seramai 14 orang (42.42%) dan telah berkurangan selepas ujian pasca kepada 13 orang. Ini disebabkan sebilangan murid mencapai gred A dalam ujian kali ini. Manakala kumpulan rawatan pula, dapatan ujian pra menunjukkan 16 orang murid (48.48%) mencapai gred B dan bertambah baik selepas rawatan dan ujian pasca dijalankan apabila ramai murid telah melonjak ke gred A. Kini seramai 11 orang (33.33%) mencapai gred B.

Pencapaian gred C pula untuk ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 3 orang (9.09%) dan jumlah murid yang menguasai gred C telah melonjak ke gred B dan kini tiada murid yang menguasai pencapaian gred C dan D selepas ujian pasca dibuat. Namun kedapatan murid yang sama mencapai gred E di dalam kedua-dua ujian. Bagi kumpulan rawatan, pencapaian jelas berubah di mana dapatan ujian pra memberitahu 9 orang (27.27%) murid menguasai gred C telah berkurangan juga kepada 2 orang. Ini kerana sebilangan murid telah melonjak ke gred yang lebih baik. pencapaian gred D pula ialah 2 orang (6.06%) dan kini tiada lagi murid mencapai D dan 6 orang (18.18%) mendapat E dan telah berkurang juga kepada 5 orang murid (15.15%).

Hasil dapatan data yang telah diberikan jelas menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat ketara dari segi peningkatan prestasi mata pelajaran Bahasa Arab Tahun 5 dengan menggunakan teknik peta pemikiran. Walaupun di awalnya jurang perbezaan di antara dua kumpulan sangatlah besar, namun setelah kajian dibuat telah berjaya merapatkan prestasi dua kumpulan murid dan mengecilkan jurang perbezaan yang wujud selama ini.

Analisis Soal Selidik Bagi Menyokong Dapatan Kajian

Jadual 5. Bahagian II; A Pembelajaran Bahasa Arab

Item	Skor	Ukuran	Frekuensi	Peratus	Mod	Min
A1; menyukai mata pelajaran Bahasa Arab	3	Tidak Pasti	3	9.1	Skor 2	4.3636
	4	Setuju	15	45.5		
	5	Sangat Setuju	15	45.5		
	Jumlah		33	100.0		
A2; memahami sesi pembelajaran Bahasa Arab dengan baik	2	Tidak Setuju	4	12.1	Skor 2	3.7879
	3	Tidak Pasti	1	3.0		
	4	Setuju	26	78.8		
	5	Sangat Setuju	2	6.1		
	Jumlah		33	100.0		
A3; memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik	2	Tidak Setuju	11	33.3	Skor 2	3.5455
	4	Setuju	15	45.5		
	5	Sangat Setuju	7	21.2		
	Jumlah		33	100.0		

Jadual 5 menunjukkan dapatan soal selidik Bahagian II. Item A1 hampir ke semua murid di dalam kumpulan rawatan menyukai mata pelajaran Bahasa Arab dan hanya 3 orang murid memilih tidak pasti. Item A2 pula menunjukkan seramai 26 orang murid (78.8%) memilih setuju dan 2 orang murid lagi (6.1%) memilih sangat setuju untuk memahami sesi pembelajaran dengan baik dan hanya 12.1% atau 4 orang murid memilih tidak setuju.

Bagi item A3 pula, seramai 11 orang murid (33.3%) memilih tidak setuju. Ini berkemungkinan arahan yang diberikan oleh penyelidik 90% dalam Bahasa Arab. Namun masih ramai murid yang boleh memahaminya iaitu 15 orang memilih setuju dan 7 lagi memilih sangat setuju.

Jadual 6 masih menunjukkan dapatan soal selidik Bahagian II tetapi ia lebih berfokus kepada kaedah peta pemikiran. Item B4 menyentuh hal berkaitan menggunakan peta pemikiran akan memudahkan proses mengingat. Hampir kesemua sampel kumpulan rawatan memilih setuju (45.5%) dan sangat setuju (42.4%). Dapatlah di simpulkan daripada dapatan soal selidik bahawa hampir ke semua murid memberikan respon yang sangat positif terhadap proses rawatan yang diberikan iaitu dengan menggunakan teknik peta pemikiran. Bukan itu sahaja, bahkan telah dapat menarik minat murid untuk belajar mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 6. Bahagian II; B Kaedah Peta Pemikiran

Item	Skor	Ukuran	Frekuensi	Peratus	Mod	Min
B4, anda mudah mengingat sekiranya belajar menggunakan teknik peta pemikiran	2	Tidak Setuju	4	12.1	Skor 4	4.1818
	4	Setuju	15	45.5		
	5	Sangat Setuju	14	42.4		
	Jumlah		33	100.0		
B5, anda akan hilang rasa bosan bila belajar menggunakan teknik peta pemikiran	2	Tidak Setuju	3	9.1	Skor 4	4.2121
	4	Setuju	17	51.5		
	5	Sangat Setuju	13	39.4		
	Jumlah		33	100.0		
B6, pembelajaran menggunakan peta pemikiran lebih menarik sekiranya dilakukan di dalam kumpulan	2	Tidak Setuju	6	18.2	Skor 5	4.3333
	4	Setuju	4	12.1		
	5	Sangat Setuju	23	69.7		
	Jumlah		33	100.0		
B7, Anda merasakan mata pelajaran Bahasa Arab menarik	2	Tidak Setuju	4	12.1	Skor 5	4.2727
	4	Setuju	12	36.4		
	5	Sangat Setuju	17	51.5		
	Jumlah		33	100.0		

PENUTUP

Daripada kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa murid yang belajar menggunakan peta pemikiran menguasai tahap pencapaian yang baik dan berubah tanggapan terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Pada keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran memberikan impak positif terhadap pencapaian dan minat murid. Oleh itu, pengkaji merasakan pengajaran menggunakan teknik peta pemikiran merupakan salah satu BBB yang mampu menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan di samping mengarahkan pemikiran murid supaya sentiasa berfikir sebagaimana yang diinginkan di dalam pembelajaran Abad ke-21.

RUJUKAN

- Abdul Al Alim Ibrahim (1994). *Al Muwajjih Al Fanni li Mudarrisi Al Lughah Al Arabiyyah*, Mesir; Dar Al M'arif.
- Abdul Rahim Ab. Rashid (2000). *Wawasan dan agenda pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd; Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Arshad (1989). *Pembangunan sekolah berkesan dalam konteks sekolahberwatan konsep dan komitmen*. Muat turun 23 Februari 2016, dari http://www.Anglefire.com/journa2/fakir_zamani/ceramah6.htm
- Adibah Izzati binti Abdillah (2015). *Penggunaan peta pemikiran sebagai alat bantu Mengajar dalam topik asid-bes di kalangan pelajar tingkatan 4*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim.
- Ali Ab Ghani (59/April 2009). *6 Tunjang Transformasi Kurikulum Kebangsaan, Kertas Kerja Pembentangan Teras 2 PIPP*. Majalah Pendidikan.
- Ang, Gek Moi and Ong, Lee Lian (2007). *Introducing Mind Maps in Comprehension*. *Recent Research on Mind Maps in Education*. m.s. 11-19.
- Angus, C.,Janes, M.(2009). *An examination of thinking maps in the context of in Costa & Kallick, B.(Eds), Activating and engagity habits of mind* (pp. 46-58).
- Asrul Ridzuan bin Ahmad (2005). *Modul multimedia interaktif tingkatan empat (Sains) Asid dan bes*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan (Sains). UPSI.
- Azirah (2009). *Kesesuaian tema yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tingkatan 1*. UPSI.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). *Latar belakang Transformasi; Unit Pengurusan Transformasi Kurikulum* diperoleh http://kssr.bpk.my/pengenalan/latar_belakang

- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). *Bentuk Kurikulum; Unit Pengurusan Transformasi Kurikulum* diperoleh http://kssr.bpk.my/pengenalan/bentuk_kurikulum
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). *Perbezaan; Unit Pengurusan Transformasi Kurikulum* diperoleh <http://kssr.bpk.my/pengenalan/perbezaan>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011). *Hasrat KSSR; Unit Pengurusan Transformasi Kurikulum* diperoleh <http://kssr.bpk.my/pengenalan/hasrat>
- Buzan, T. & Barry, B. (2003). Tony & Barry Buzan *The Mind Map Book*. BBC Worldwide Limited; London.
- Carlson, D. & Long (2011). Mind The Map: how thinking maps affect student achievement. *Journal for Teacher Research*. 13(2), 1-7.
- Cohen, J. (1997). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. New York : Academic Press.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2001). *Research method in education (5th ed.)*. Routledge Falmer.
- Cindy Oh; Hariati Ali; Adeline Enriquez; Ilyana Bte Mohd Anwar; Hazel Lim; Law, Ee Peng; Leong, Pei Ying and Wee, Chiu Mei (2006). *Reading with Understanding Through The Use if Mind Maps*. Recent Research on Mind Maps In Education. m.s. 5-19.
- David Brooks (2008). *The Cognitive Age*. New York Times. Friday May 2.
- Deibel, K. (2005). *Team formation method for increasing interaction during in-class group work*. University of Washington. m.s. 27-29.
- Dewey, J. (1993). *How we think: A restatement of the relation of reflective thinking to the Educative process*. Boston : Houghton Mifflin Company.
- Dilip Mukerjea. (1996). *Superbrain – train your brain and unleash the genius within*. Oxford University Press. Singapore.
- Gallagher, M. (2011). Using thinking maps to facilitate research writig in upper level Undergraduate classes. *Journal of Family & Consumer Sciences Education*, 29 (2), 53-56.
- Hadar L. Ritchard R. & Tunner T. (2009). *Uncovering Student’s Thinking About Thinking Using Concept map*. Network: springle science.
- Henry Toi (2009). *Research on how Mind Map improves Memory*. Recent Research on Mind Maps in Education. m.s. 21-24.
- Hyerle, D (2004). *Student successess with thinking maps school-base research, results and model for achievement using visual tools*. Thousand Oaks : Corwin.
- Hyerle, D. & Yeager, C. (2007). *A language for learning: Thinking maps incorporated*. North Carolina; Thinking Maps. Ins.
- Jasmi Amin (2002). *Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dari sudut pembacaan dan Penulisan; satu kajian terhadap murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Baru*. Johor; Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Bahagian Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia 1 Bahagian Pembangunan Kurikulum diperoleh daripada http://www.slideshare.net/fazliaton/konsep_kssr
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W (1970). *Determining sample size fir research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30. 608.
- Laura A.W (2011). *The effect of thinking maps on students higher order thinking skill*. US : California State University & Northridge University.
- Lee Hou Yew & Gan We Ling (2012). *Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam Pengajaran dan pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2012, Bukit Gambang Resort, Oktober 2012.
- Muhamad Ali al-Khuli (1986). *Asalib Tadris al Lughah al Arabiyyah*. Riyad : Matabi Al Farzadaq.
- Muhammad Salahuddin Ali (1977). *TAdris al Lughah al Arabiyyah bil Marhalah Al ibtida'iyyah*. Kuwait : Dar Qalam.
- Muhammad Sidek (2013). *Aplikasi menggunakan 'thinking maps' dalam program Praktikum KPLD di Tadika Yayasan Islam Terengganu, Seberang Takit, Kuala Terengganu*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kajian Tindakan Peringkat Kebangsaan, Tanjung Vista Hotel, Kuala Terengganu, 23-25 April 2015.
- Naif Mahmud Ma'rif (1987). *Khasais al Arabiyyah wa taraiq Tadrisuha*. Beirut : Dar Al Nafais.
- Neuman, W.L. (1994). *Social research method : Qualitative and quantitative approaches*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Novak, J.D. and Gowin, D.B., (1984). *Learning how to learn*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Pejabat Pendidikan Hulu Selangor (2011). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahan edaran Pengurusan Akademik.
- Rancangan Malaysia ke Sepuluh Bab 5 : *Membangunkan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia* diperoleh daripada http://www.slideshare.net/fadzliaton/Rancangan_malaysia_ke10_bab_5_pendidikan#btnNext
- Razzaly, W. (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (soft skill)*. UTHM. Batu Pahat: Penerbit UTHM.

- Rogers, C.R. (1969). *Freedom to learn*. Columbus, OH : Merrill.
- Rosni bin Samah (2009). *Pendekatan pembelajaran kemahiran Bahasa Arab untuk Pelajar bukan penutur jati*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Said, M.S., Mahmood, M., dan Mat Nawi, M.Z. (2013). *Penerimaan alat berfikir i-Think Program dalam pelaksanaan modul pengajaran guru-guru Tadika Yayasan Islam Terengganu: Satu kajian kes di Tadika Yayasan Islam Terengganu Seberang Takir dalam prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG* (vol.1, no.1).
- Tan Cheng Theng (2007). *Kefahaman dan aplikasi konsep asid –bes dalam kehidupan harian dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat Sains Johor Baru*. Tesis master, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Thomas, L. Ratchliffe, M., Woodbury, J. & Jarman E. (2002). *Learning style and Performace in the introductory programming sequence*. University of Wales.
- Weis L.A (2011). *The effect of thinking maps on student's higher order thinking skills* diperoleh pada April 2016 daripada http://www.thinkingfoundation.org/action_research/pdf/action_Research_paper_weis.pdf.
- Zabani bin Darus (2012). *Status pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA: Satu Refleksi*. Kementerian Pelajaran Malaysia. KPM 2012.